



🏠 (/) » BERITA (/BERITA) » Prof. Dr. Nazamid dilantik TNCPI UPM

Senarai Berita (/berita)

Prof. Dr. Nazamid dilantik TNCPI UPM


Oleh: Noor Eszereen Juferi



LIHAT JUGA



Tiram di muara Sungai Muar disahkan spesies baharu, tidak terdapat di kawasan lain dunia (/berita /tiram_di_muara_sungai_muar_disahkan_spesies_baharu_tidak_terdapat_di_kawasan_lain_dunia-64093)



INTROP UPM anjur webinar mengenai COVID-19, pembungkusan makanan (/berita /introp_upm_anjur_webinar_mengenai_covid_19_pembungkusan_makanan-64089)



IWGM 2021 bincang meneruskan usaha kelestarian (/berita /iwgm_2021_bincang_meneruskan_usaha_kelestarian-64085)



Universiti Putra Malaysia
 43400 UPM Serdang
 Selangor Darul Ehsan
 ☎ +603-9769 1000
 📠 ---
 @ pspk@upm.edu.my (mailto:pspk@upm.edu.my)

SERDANG - Kementerian Pendidikan Tinggi mengumumkan pelantikan Prof. Dr. Nazamid Saari sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM, berkuatkuasa pada 25 Oktober 2021 hingga beliau bersara wajib pada 19 September 2023.

Portfolio yang akan dipegang oleh beliau adalah mengetuai pentadbiran Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) serta menguruskan hal ehwal penyelidikan universiti dan pengkomersilan hasil penyelidikan.

Pelantikan beliau bagi menggantikan Prof. Dato' Dr. Zulkifli Idrus yang telah menamatkan khidmat beliau sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM selama 3 tahun sehingga 14 April 2021.

Ahli pengurusan UPM menyifatkan pelantikan Prof. Dr. Nazamid akan dapat menyokong UPM memperkukuhkan kedudukan Universiti Penyelidikan dengan memberikan komitmen kepada aktiviti penyelidikan, inovasi dan pengkomersilan hasil penyelidikan.

Pengalaman beliau yang luas dalam bidang penyelidikan dan perundingan dijangka mampu memperkasakan bidang tujuhan utama UPM iaitu pertanian seterusnya melonjak tahap pencapaian penyelidikan dan inovasi ke peringkat antarabangsa.

Prof. Dr. Nazamid yang dilahirkan pada 20 September 1963 di Padang Rengas, Perak merupakan pakar bioteknologi dan enzimologi makanan mendapat ijazah Bachelor Sains dan Teknologi pada tahun 1986, Ijazah Sarjana Biokimia Makanan dari Saga University, Jepun pada tahun 1993, dan Doktor Falsafah (PhD) dari Kagoshima University, Jepun pada tahun 1996. Beliau menyertai Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, UPM pada tahun 1996 sebagai pensyarah, dan dinaikan pangkat kepada Profesor Madya pada tahun 2001, seterusnya Profesor penuh pada tahun

2008.

Beliau pernah mengetuai Unit Perundingan Fakulti pada tahun 1998 dan sebagai sebagai Ketua Jabatan Sains Makanan pada 2001 sehingga 2003, Timbalan Dekan (Akademik dan Hal Ehwal Pelajar), Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, UPM pada tahun 2003 hingga 2011 dan Timbalan Pengarah, Pusat Pembangunan Akademik (CADE), UPM pada tahun 2013 hingga 2016. Beliau dikenali sebagai penceramah berkaitan outcome-based education dan pembangunan kurikulum pengajian tinggi. Beliau juga diberi tanggungjawab mengetuai garispuandu kaedah pentaksiran bagi penerbitan buku Garispuandu Pelaksanaan Program 2U2I di Kementerian Pengajian Tinggi.

Beliau telah menerbitkan lebih 219 penerbitan dalam jurnal berprestij berimpak tinggi disamping penerbitan lain seperti prosiding, buku, bab dalam buku, dan dalam bentuk laporan teknikal hasil dari penyelidikan yang dijalankan. Beliau dan kumpulannya juga menyelia lebih 24 pelajar pasca siswazah peringkat master dan PhD.

Selain itu, beliau mempunyai 10 patent filings dan telah membentangkan lebih 200 kertas kerja di pelbagai persidangan kebangsaan dan antarabangsa. Profesor Nazamid sangat dikenali di Malaysia dan peringkat antarabangsa dalam bidang Bioteknologi dan Enzimologi Makanan dan kerap mendapat undangan sebagai *speaker* dan *panellist* dalam forum, seminar dan konferensi yang berkaitan dengan Sains dan Teknologi Makanan. Beliau juga menerima permintaan tinggi sebagai penilai artikel strategik untuk jurnal berprestij tinggi termasuk *Food Chemistry*, *Journal of Agriculture and Food Chemistry*, *Food Research International*, *Journal of Functional Foods*, *Food Hydrocolloids*, *Journal of Food Microbiology*, *Food Control*, *International Journal of Food Microbiology* dan *Food Biochemistry*.

Beliau berkhidmat sebagai Editor Bersekutu untuk *Frontiers in Sustainable Food Systems*, iaitu jurnal yang memfokuskan kepada Sustainable Development Goals (SDGs) selaras dengan pelan tindakan untuk mencapai masa depan yang lebih baik di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Beliau juga adalah *Honorary Editorial Board Member* bagi *International Food Research Journal* (IFRJ); mantan pengerusi Jemaah Dekan Sains dan Teknologi Makanan di Universiti Awam, dan ahli serta mantan pengerusi Jemaah Dekan Sains dan Teknologi Makanan bagi universiti diperingkat ASEAN. Beliau juga adalah Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan Biasiswa Ajinomoto.

Profesor Nazamid telah mengetuai beberapa projek penyelidikan strategik berskala besar termasuk projek penyelidikan berkaitan dengan peptida sebagai bahan ramuan makanan dan makanan fungsian melalui geran bernilai RM1.8 juta daripada MOSTI/ABI dan juga geran Teknofund bernilai RM1.8 juta bagi pembangunan SME susu tablet. Penyelidikan beliau telah mendapat banyak anugerah samada diperingkat nasional mahupun antarabangsa. Beliau juga sangat aktif dan mengetuai banyak projek khidmat perundingan kepada SME khususnya dalam pembangunan produk makanan berkualiti tinggi.

Sejak beberapa tahun lalu, beliau telah memulakan penyelidikan dan mengetuai projek *Future Food* dan pembangunan makanan berasaskan protein tumbuhan di UPM bagi melonjakkan peranan UPM khasnya dan Malaysia amnya di persada antarabangsa dalam penyelidikan dan pembangunan future food selari dengan trend dan permintaan pasaran global masa kini. - UPM

Tarikh Input: 10/11/2021 | Kemaskini: 10/11/2021 | hairul_nizam

PERKONGSIAN MEDIA

(<https://www.addtoany.com/share?url=https%3A%2F>

[2Fwww.upm.edu.my/berita%2Fprof_dr_nazamid_dilantik_tncpi_upm-64063&title=Prof.%20Dr.%20Nazamid%20Dilantik%20TNCPi%20UPM%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia](https://www.upm.edu.my/berita/prof_dr_nazamid_dilantik_tncpi_upm-64063&title=Prof.%20Dr.%20Nazamid%20Dilantik%20TNCPi%20UPM%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)

(/#facebook) (/#twitter) (/#linkedin) (/#email)

(/#copy_link) (/#wordpress) (/#print)

HUBUNGI KAMI

Universiti Putra
Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

+603-9769 1000



pspk@upm.edu.my

TALIAN
KECEMASAN
BAHAGIAN
KESELAMATAN
UPM (24 JAM)

PERKHIDMATAN DALAM TALIAN

Sistem Permohonan ke Luar
Negara
(<http://bursar1.upm.edu.my/spln/>)

Sistem Ilmu Sumber Manusia
(SISMAN)
(<http://www.sisman.upm.edu.my/>)

KM Portal (<http://km.upm.edu.my/kmportalweb/portal/?renderaction?method=home>)

Jawatan Kosong
(<http://spj.upm.edu.my/>)

Sistem Baik Pulih ICT
(<http://zonict.upm.edu.my/>)

Putra Learning Hub
(<http://learninghub.upm.edu.my/>)

Sistem Pengurusan Perubatan
(<http://regmedic.upm.edu.my/>)

Sistem E-Learning

PAUTAN LUAR

Kementerian Pendidikan
Malaysia
(<https://www.moe.gov.my/>)

Perbadanan Tabung Pendidikan
Tinggi Nasional (PTPTN)
(<http://www.ptptn.gov.my/>)

Multimedia Super Corridor
(<https://mdec.my/msc-malaysia/>)

Portal myGovernment
(<http://www.mys.gov.my/>)

Agensi Kelayakan Malaysia
(<https://www.mqa.gov.my/>)

PAUTAN PANTAS

FAKULTI / PTJ / PENTADBIRAN (/entiti)

Statistik Transaksi Laman Web
(<http://www.upm.edu.my/statistik>)

Tender & Kontrak (<http://etender.upm.edu.my/>)

Laporan Piagam Pelanggan (http://www.upm.edu.my/mengenai_kami/maklumat_korporat/piagam_pelanggan-8202)

Dasar UPM (http://www.pnc.upm.edu.my/mengenai_kami/dasar_universiti-5601)

Sistem Pengurusan ISO (http://reg.upm.edu.my/spk_upm/)

Dana Wakaf Ilmu (<http://www.wazan.upm.edu.my/>)

Penerbitan UPM (http://www.upm.edu.my/kandungan/Penerbitan_UPM-29859)



(<http://putra.upm.edu.my/>)



(<http://portal.upm.edu.my/>)



(<http://www.pertanajaja.upm.edu.my/>)



(<http://www.learninghub.upm.edu.my/>)



(<http://www.psisir.upm.edu.my/>)



(<https://smp.upm.edu.my/>)



(<http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/>)



(<http://eclaims.upm.edu.my/login/>)

BM ▾



Entiti Kami



Dokumen



Newsletter



Tetapan

03-9769 7990 |
03-9769 7470 |
03-9769 1999

(<http://eclaims.upm.edu.my/login/>)

i-GIMS (staf)
(<http://www.sps.upm.edu.my:8080/gims/index.jsp>)

i-GIMS (pelajar pascasiswazah)
(<http://sgsportal.upm.edu.my:8080/sgsportal/>)

Sistem Maklumat Pelajar (pelajar prasiswazah)
(<http://smp.upm.edu.my/loginSmpSetup>)

Takwim UPM 2021 (https://www.upm.edu.my/upload/dokumen/20210421082600TAKWIM_UPM_2021_20.1.2021.pdf)

UPM Flywire (<https://landing-pages.flywire.com/landing/upm/>)



(<http://reg.upm.edu.my/eISO/>)



(<http://email@upm.edu.my>)

BM ▾

Dasar Privasi (/footnote/dasar_privasi-29949) Hakcipta (</footnote/hakcipta-29950>) RSS (</rss>)

Penafian (</footnote/penafian-29938>) Bantuan (</footnote/bantuan-29937>)

UPM online (/footnote/upm_online-38695) Dasar Keselamatan (/footnote/dasar_keselamatan-29939)

© 2021 Universiti Putra Malaysia



Entiti Kami



Dokumen



Newsletter



Tetapan

LANGGAN MELALUI EMAIL HANTAR